

“Raikan Legasi 40 Tahun PETRONAS Sprinta”

TERMA DAN SYARAT

1.0 Penganjur

- 1.1 PETRONAS Lubricants Marketing (Malaysia) Sdn Bhd (“PLMM”) adalah penganjur bagi peraduan “Raikan Legasi 40 Tahun PETRONAS Sprinta” (“Peraduan”).
- 1.2 Terma dan syarat berikut terpakai bagi Peraduan ini. Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, termasuk sebarang pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, tanpa sebarang had atau kelayakan (“Terma dan Syarat”).

2.0 Kriteria Kelayakan

- 2.1 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi **SEMUA** syarat berikut:
 - 2.1.1 Peserta mestilah warganegara Malaysia; dan
 - 2.1.2 Peserta mestilah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.

Mana-mana individu yang memenuhi semua syarat di atas akan dirujuk sebagai “Peserta”.

- 2.2 Individu berikut **TIDAK LAYAK** menyertai Peraduan ini:
 - 2.2.1 Pekerja tetap atau kontrak Kumpulan Syarikat PETRONAS, termasuk Penganjur serta ahli keluarga terdekat mereka (termasuk bapa, bapa tiri, ibu, ibu tiri, adik-beradik, pasangan, anak, anak tiri dan hubungan anak angkat);
 - 2.2.2 Pengusaha stesen PETRONAS, kru PETRONAS dan ahli keluarga terdekat mereka (termasuk bapa, bapa tiri, ibu, ibu tiri, adik-beradik, pasangan, anak, anak tiri dan hubungan anak angkat); dan
 - 2.2.3 Pekerja tetap atau kontrak daripada pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan kepada Penganjur, termasuk ahli keluarga terdekat mereka (termasuk bapa, bapa tiri, ibu, ibu tiri, adik-beradik, pasangan, anak, anak tiri dan hubungan anak angkat).

Sekiranya seseorang Peserta didapati tidak layak pada bila-bila masa semasa atau selepas Tempoh Peraduan, Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan Peserta tersebut dan menarik balik sebarang hadiah yang telah diberikan. Sekiranya Peserta telah menikmati hadiah tersebut, Peserta bersetuju untuk membayar balik kos hadiah kepada Penganjur. Penganjur juga berhak mengambil tindakan undang-undang yang perlu.

3.0 Tempoh Peraduan

- 3.1 Peraduan ini akan berlangsung dari 1 Februari 2026 hingga 30 April 2026 (termasuk kedua-dua tarikh yang dinyatakan), termasuk kedua-dua tarikh tersebut melainkan PLMM memaklumkan sebaliknya ('Tempoh Peraduan').

4.0 Cara Penyertaan

- 4.1 Peserta mestilah membeli sekurang-kurangnya satu (1) botol produk PETRONAS Sprinta rangkaian sintetik (termasuk pek 1.2 liter) seperti disenaraikan di bawah:

Bil.	Gred	Siri	Nama produk
1.	Sintetik Penuh	Racing Ester	PETRONAS Sprinta Racing SAE 10W-40
			PETRONAS Sprinta Racing SAE 10W-50
		F900	PETRONAS Sprinta F900HD SAE 20W-50
			PETRONAS Sprinta F900HD SAE 10W-60
			PETRONAS Sprinta F900 SAE 10W-40
			PETRONAS Sprinta F900 SAE 10W-50
		A900	PETRONAS Sprinta A900 SAE 10W-40
		T900	PETRONAS Sprinta T900
2.	Semi Sintetik	F700	PETRONAS Sprinta F700 SAE 10W-40
			PETRONAS Sprinta F700 SAE 15W-50
		A700	PETRONAS Sprinta A700 SAE 10W-40
		T500	PETRONAS Sprinta T500

Jumlah Entri	Cara mendapatkan jumlah entri
1x	Dengan setiap pembelian minyak pelincir Sintetik terpilih

4.1.1 Untuk menyertai Peraduan, Peserta perlu:

- Imbas kod QR pada bahan promosi yang terdapat di laman web MyMesra, saluran media sosial PETRONAS Sprinta, serta di semua pengedar rasmi PETRONAS Sprinta yang mengambil bahagian di seluruh negara.
- Lengkapkan maklumat peribadi serta jawab beberapa soalan yang disediakan.
- Muat naik resit rasmi pembelian dan hantar penyertaan melalui laman web <https://www.mymesra.com.my/qr/sprinta40>

4.1.2 Selaras dengan Klausu 7, Peserta dikehendaki mengisi maklumat berikut:

- Nama Penuh (sepertimana yang dinyatakan di dalam Kad Pengenalan)
- Alamat E-mel
- Nombor Telefon
- Produk yang dibeli
- Kuantiti Pembelian

- (f) Lokasi Pembelian
- (g) Muat naik resit pembelian

- 4.2 Semua penyertaan mestilah diterima oleh PLMM dalam Tempoh Peraduan. Peserta dibenarkan membuat penyertaan sebanyak mana yang mungkin dengan resit pembelian yang berbeza, tertakluk kepada pematuhan mekanisme dan syarat Peraduan.
- 4.3 Pembelian mestilah dibuat melalui saluran pengedaran PLMM iaitu stesen PETRONAS (Kedai Mesra), PETRONAS Shop Official Store (aplikasi Setel, Shopee atau TikTok), PETRONAS MotoExpert dan semua pengedar rasmi PETRONAS Sprinta yang mengambil bahagian di seluruh negara.

5.0 Pemilihan Pemenang dan Hadiah Peraduan

- 5.1 Peserta Berjaya akan disenarai pendek oleh sistem penjana rawak PLMM bagi Hadiah Peraduan berdasarkan kategori hadiah yang diperuntukkan di Klausa 5.2, mengikut jumlah penyertaan yang dikumpulkan oleh PLMM ("Pemilihan Pemenang"). Pengumpulan akan dibuat berdasarkan tarikh, masa, produk yang dibeli, dan jumlah perbelanjaan seperti yang direkodkan oleh PLMM. Peserta Berjaya akan dihubungi oleh PLMM seperti yang dinyatakan di Klausa 5.3 dan 5.4 di sini ("Pemenang"). Sebanyak lapan puluh sembilan (89) hadiah akan diberikan sebagai Hadiah Peraduan kepada Pemenang.

- 5.2 Hadiah peraduan adalah seperti berikut ("Hadiah Peraduan"):

Kategori Hadiah	Kedudukan	Barangan
Hadiah keseluruhan	Hadiah Tempat Pertama	1 x SYM ADXTG 400 & Helmet ARC PETRONAS Sprinta edisi terhad
	Hadiah tempat kedua	1 x Zontes 368G & Helmet ARC PETRONAS Sprinta edisi terhad
	Hadiah tempat ketiga	1 x Yamaha Y16 & Helmet ARC PETRONAS Sprinta edisi terhad
Hadiah bulanan (Februari & Mac)	Hadiah tempat pertama	1 x Yamaha 135LC & Helmet ARC PETRONAS Sprinta edisi terhad
	Hadiah tempat kedua	1 x Baucar Setel bernilai RM 1000

	Hadiah tempat ketiga	1 x Baucar Setel bernilai RM 500
	Hadiah saguhati	40 x Baucar Setel bernilai RM 50

5.2.1 Hadiah Tempat Pertama, Hadiah Tempat Kedua dan Hadiah Tempat Ketiga (“Hadiah Utama”)

- (a) Pemilihan Pemenang akan dilakukan selepas tamat Tempoh Peraduan.
- (b) Berdasarkan pemilihan oleh sistem penjana rawak PLMM, tiga (3) Peserta terawal yang dipilih akan disahkan sebagai Pemenang, disaksikan oleh juruaudit dalaman yang dilantik.

5.2.2 Hadiah Bulanan

- (a) Pemilihan pemenang akan dibuat mengikut tempoh berikut:
 - Tempoh pemilihan pertama : 1 Februari hingga 28 Februari 2026
 - Tempoh pemilihan kedua: 1 Mac hingga 31 Mac 2026
 - (b) Berdasarkan pemilihan oleh sistem penjana rawak PLMM, empat puluh tiga (43) senarai Peserta yang pertama akan dipilih sebagai Pemenang, disaksikan oleh juruaudit dalaman yang dilantik.
 - (c) Hadiah Saguhati akan dikreditkan ke akaun Setel Pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada Tarikh pengumuman Pemenang.
- 5.3 Pemenang akan diumumkan melalui www.mymesra.com.my atau laman Facebook rasmi PETRONAS Sprinta (PETRONASSprintaAsiaPacific) atau saluran lain yang difikirkan sesuai oleh PLMM mengikut budi bicara mutlakanya. Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas Tempoh Peraduan berakhir. Pemenang Hadiah Bulanan akan diumumkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh akhir yang dinyatakan dalam Klausula 5.2.2(a).
- 5.4 Bagi Hadiah Utama, Pemenang akan dimaklumkan melalui alamat emel berdaftar dan/atau panggilan telefon ke nombor mudah alih berdaftar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pengumuman Pemenang. Pemenang dikehendaki memberikan maklumat peribadi yang diminta seperti dinyatakan dalam Klausula 4.1.2(a) untuk tujuan pengesahan.
- 5.5 Bagi Hadiah Bulanan, Pemenang akan dimaklumkan melalui alamat emel berdaftar dan/atau panggilan telefon ke nombor mudah alih berdaftar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pengumuman Pemenang. Pemenang dikehendaki memberikan maklumat peribadi yang diminta seperti dinyatakan dalam Klausula 4.1.2(a) untuk tujuan pengesahan.
- 5.6 Hanya Peserta yang mematuhi Terma dan Syarat ini layak memenangi Hadiah Peraduan. Penyertaan yang tidak lengkap dan/atau Peserta yang gagal

mematuhi Terma dan Syarat ini akan secara automatik dibatalkan tanpa sebarang notis lanjut.

- 5.7 Sekiranya tiada maklum balas daripada Pemenang atas sebarang sebab, PLMM akan membuat dua (2) kali percubaan tambahan untuk menghubungi Pemenang melalui panggilan telefon ke nombor mudah alih berdaftar mereka. Jika masih tiada maklum balas selepas dua (2) kali percubaan tambahan tersebut, Pemenang akan dibatalkan kelayakan untuk memenangi sebarang Hadiah Peraduan dan PLMM berhak untuk menyenarai pendek Peserta seterusnya yang berjaya yang kemudiannya akan dihubungi oleh PLMM melalui kaedah yang dinyatakan dalam Klausa 5.8 di bawah dan berpotensi dianugerahkan Hadiah Peraduan sebagai Pemenang.
- 5.8 Semua Hadiah Utama akan disampaikan dalam satu majlis penyampaian hadiah yang dianjurkan oleh PLMM. Pemenang akan dimaklumkan melalui alamat emel berdaftar dan/atau panggilan telefon ke nombor mudah alih berdaftar untuk makluman bagi menghadiri majlis tersebut. Pemenang mesti mengesahkan kehadiran sebelum majlis penyampaian hadiah. Sekiranya Pemenang tidak dapat hadir atas sebarang sebab, mereka mesti menamakan wakil untuk menerima Hadiah Peraduan bagi pihak mereka. Wakil yang dilantik mesti membawa surat kebenaran daripada Pemenang atau salinan kad pengenalan Pemenang untuk tujuan penerimaan dan/atau pengambilan Hadiah Peraduan. PLMM berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pemenang jika Pemenang atau wakil mereka gagal hadir ke majlis penyampaian hadiah, dan PLMM berhak untuk memilih semula Pemenang.
- 5.9 PLMM berhak melantik pihak ketiga untuk menjalankan pengesahan Pemenang dan menguruskan penghantaran Hadiah Peraduan kepada setiap Pemenang. Pemenang bersetuju bahawa PLMM boleh memberikan maklumat Pemenang, termasuk data peribadi, kepada pihak ketiga tersebut bagi menguruskan perkara ini.
- 5.10 Semua Hadiah Peraduan diterima sepenuhnya atas risiko Pemenang, dan PLMM mengecualikan semua jaminan berkaitan dengan Hadiah Peraduan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. PLMM tidak akan bertanggungjawab atas ketidakterimaan Hadiah Peraduan atau sebarang kehilangan atau kerosakan semasa proses penghantaran. Tiada penggantian dan/atau pertukaran Hadiah Peraduan akan dilayan dalam apa jua keadaan.
- 5.11 Sekiranya Pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah Peraduan, Pemenang dianggap telah melepaskan sebarang tuntutan terhadap Hadiah tersebut. Hadiah Peraduan akan diuruskan mengikut budi bicara mutlak PLMM, termasuk tetapi tidak terhad kepada kemungkinan memilih pemenang alternatif atau menyimpan Hadiah Peraduan untuk kegunaan masa hadapan.
- 5.12 Keputusan PLMM mengenai semua perkara berkaitan Peraduan ini, termasuk pemilihan Pemenang, adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Tiada pertanyaan, surat-menyurat atau pertikaian akan dilayan. Hadiah Peraduan yang tidak dituntut atau tidak digunakan tidak akan dilanjutkan.

6.0 Lain-lain

- 6.1 PLMM berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan sebarang penyertaan yang dianggap tidak layak atau atas sebarang sebab yang difikirkan sesuai oleh PLMM. Sekiranya Peserta didapati tidak layak pada bila-bila masa semasa atau selepas Tempoh Peraduan, PLMM berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta tersebut dan menarik balik sebarang Hadiah Peraduan yang dimenangi. Jika Peserta telah menggunakan atau menikmati Hadiah Peraduan tersebut, Peserta bersetuju untuk menanggung kos Hadiah tersebut dan PLMM berhak mengambil tindakan yang perlu terhadap Peserta.
- 6.2 PLMM berhak pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlakanya dan tanpa notis awal, untuk menggantikan sebarang Hadiah Peraduan dengan barangan yang mempunyai nilai sama atau bernilai lebih tinggi. Semua Hadiah Peraduan diberikan atas dasar “seadanya” dan tidak boleh ditukar atau ditebus dalam bentuk wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar sama ada sebahagian atau sepenuhnya serta tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana individu.
- 6.3 PLMM berhak untuk membatalkan, memendekkan, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Peraduan pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Peraduan tanpa notis awal kepada Peserta. Sebarang pembatalan, lanjutan, penggantungan atau penamatan Peraduan tidak akan melayakkan Peserta untuk menuntut sebarang pampasan daripada PLMM. PLMM juga berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menukar mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis awal. Peserta yang terus menyertai Peraduan selepas sebarang pindaan dibuat akan dianggap telah memberikan pengakuan, persetujuan dan penerimaan tanpa syarat terhadap pindaan tersebut.
- 6.4 PLMM berhak menggunakan nama, alamat, gambar, maklumat dan dokumen Peserta sebagai bahan dalam iklan dan bentuk publisiti lain untuk tujuan pemasaran semasa dan pada masa hadapan tanpa notis awal kepada Peserta dan Peserta tidak boleh menuntut hak milik ke atas bahan tersebut. Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini merupakan persetujuan mereka terhadap penggunaan tersebut tanpa notis lanjut, bayaran atau pertimbangan.
- 6.5 PLMM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang timbul daripada penyertaan dalam Peraduan, penggunaan Hadiah Peraduan dan/atau pengambilan Hadiah Peraduan. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan perbelanjaan berkaitan adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.
- 6.6 PLMM, pekerjaanya, syarikat gabungan, pekerja Kumpulan PETRONAS, rakan kongsi dan penyedia perkhidmatan berkaitan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan akibat bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah mereka.
- 6.7 Terma dan Syarat ini mengatasi semua maklumat atau kenyataan dalam risalah dan bahan Peraduan lain yang diiklankan di bawah Peraduan ini.

- 6.8 PLMM adalah pihak berkuasa terakhir untuk memutuskan tafsiran Terma dan Syarat ini dan sebarang perkara berkaitan Peraduan ini.
- 6.9 Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai Terma dan Syarat, sila hubungi kami melalui maklumat yang disediakan di <http://www.mymesra.com.my>.

7.0 Data Peribadi

Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah bersetuju dan memberikan kebenaran untuk pengumpulan, pemprosesan, penggunaan, pendedahan dan penyimpanan data peribadi oleh PLMM, pekerjaanya, syarikat gabungan, pekerja Kumpulan PETRONAS, rakan kongsi dan penyedia perkhidmatan berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Notis Data Peribadi di bawah Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, yang boleh dilihat di <http://www.mymesra.com.my/pdpa>.